

## Kerjaya Prospek sasar RM2b kontrak baharu

**Kerjaya Prospek Group Bhd** kekal optimis mencapai sasaran perolehan kontrak baharu RM2 bilion tahun ini, disokong buku tender semasa bernilai sekitar RM2 bilion hingga RM3 bilion serta kedudukan tunai yang kukuh.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Eksekutif Kerjaya Prospek, Tee Eng Tiong, berkata fokus utama operasi masih tertumpu di Lembah Klang, walaupun syarikat baru-baru ini memperoleh projek di Seremban.

“Bagi segmen pembangunan hartanah, syarikat memaklumkan tiada pelancaran projek baharu dijangka tahun ini, sebaliknya dijadualkan bermula tahun depan,” katanya pada sesi taklimat keputusan suku pertama kewangan berakhir 31 Disember 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, antara projek dalam perancangan termasuk

pembangunan di Tanjung Bungah, Pulau Pinang yang kini sedang diusahakan dan disasarkan bermula tahun depan.

“Selain itu, projek Jalan Puchong kini dalam proses perundingan semula sebelum penyerahan rasmi dibuat kepada pihak berkuasa, dengan kelulusan memulakan kerja dijangka diperoleh tahun depan susulan perubahan garis panduan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Di Batu Kawan pula, projek membabitkan Aspen Vision City dan Aspen Vision Land dijangka dimuktamadkan sepenuhnya tahun ini,” katanya.

Dalam sektor pembinaan khusus, kumpulan kini sedang dalam proses pendaftaran seba-



Tee Eng Tiong

gai kontraktor hospital dan merancang untuk menyertai tender beberapa projek hospital baharu pada masa hadapan, susulan penilaian terhadap potensi pertumbuhan yang lebih besar dalam segmen pembinaan hospital.

Sementara itu, peluang dalam sektor pusat data masih dalam peringkat penerokaan, namun tumpuan lebih diberikan kepada projek berskala sederhana.

Pada masa sama, kumpulan giat meneroka peluang projek baharu bersama Samsung C&T menerusi usaha sama Samsung-KP JV yang memberi fokus kepada pembinaan kilang dan pusat data di Malaysia.

Kerjaya Prospek turut memaklumkan kenaikan kos bahan binaan seperti konkrit siap ban-

cuh meningkat ketara sehingga 30 hingga 40 peratus sejak tahun lalu, manakala harga keluli menunjukkan peningkatan lebih sederhana.

Bagaimanapun, kumpulan berkata strategi penetapan harga tender kini mengambil kira faktor kenaikan kos dan kenaikan harga bagi mengurangkan tekanan terhadap margin keuntungan.

Selain itu, kumpulan turut meneliti penggunaan teknologi hijau termasuk peralatan elektrik (EV), bateri dan pengurangan penggunaan penjana kuasa diesel di tapak projek bagi mengurangkan kos operasi jangka panjang.

Kerjaya Prospek mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) lebih tinggi sebanyak 24.5 peratus kepada RM57.3 juta bagi suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026, berbanding tempoh sama tahun lalu.